

22 JUL 1997

Mahathir-Kemboja

DR MAHATHIR BINCANG KRISIS KEMBOJA DENGAN MENTERI LUAR ASEAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan mengadakan perbincangan dengan semua Menteri Luar Asean berhubung krisis di Kemboja.

Perbincangan itu bertujuan menentukan langkah yang akan diambil berhubung kemasukan Kemboja dalam Asean, kata Perdana Menteri kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah daripada bercuti selama dua bulan di luar negara.

Dr Mahathir dijadual menerima kunjungan Menteri-Menteri Luar Asean pada pagi Khamis sebelum beliau merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean.

Kedudukan Kemboja sebagai "pemerhati" dalam mesyuarat itu belum diputuskan.

Semalam Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Datuk Abdul Kadir Mohamed berkata bahawa perkara itu akan diputuskan oleh Menteri-menteri Luar Asean esok.

Dalam mesyuarat mereka 10 Julai lepas, Menteri Luar Asean membuat keputusan menangguhkan kemasukan Kemboja ke dalam pertubuhan serantau itu berikutan kemelut politik di Phnom Penh selepas Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh disingkirkan oleh Perdana Menteri Kedua, Hun Sen.

Sebelum krisis itu, Phnom Penh telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean sebagai pemerhati sejak tiga tahun lepas.

-- BERNAMA

ES MAI